

MAHATHIR-DOKTOR

1979

KOTA KINABALU, 24 JAN. (BERNAMA) — KERAJAAN MUNGKIN MENGADAKAN SEBUAH FAKULTI PERUBATAN DI UNIVERSITI SAINS PULAU PINANG BAGI MENGELUARKAN LEBIH BANYAK DOKTOR UNTUK KEPERLUAN NEGARA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN WANG BUKANLAH MENJADI MASALAH UTAMA BAGI PENUBUHAN FAKULTI PERUBATAN TETAPI YANG PENTING IALAH UNTUK MENDAPATKAN TENAGA PENGAJAR.

BERUCAP DI MAJLIS DIALOG DENGAN PARA KETUA JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI DI SABAH DI KELAB GOLF DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN RASA TERPERANJATNYA APABILA DIBERITAHU BAHAWA HANYA 50 PERATUS DARIPADA KEKOSONGAN JAWATAN DOKTOR DAN PAKAR DI NEGERI INI TELAH DIPENUHI SETAKAT INI.

KATANYA, BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN DENGAN MENTERI KESIHATAN TAN SRI CHONG HON NYAN MENGENAI SOAL MENGHANTAR LEBIH RAMAI DOKTOR DAN PAKAR DARI SEMENANJUNG UNTUK BERTUGAS DI SABAH MEMANDANGKAN KEKURANGAN ITU.

BUAT MASA INI SERAMAI 59 ORANG DOKTOR KERAJAAN SEDANG BERTUGAS DI SELURUH NEGERI INI. — BERSAMBUNG 1658/AI

MAHATHIR-DOKTOR 2 KOTA KINABALU

KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH MEMBERITAHU TIMBALAN PERDANA MENTERI BAHAWA SABAH JUGA MEMERLUKAN KIRA-KIRA 300 ORANG GURU SISWAZAH DAN ANTARA 1,000 HINGGA 2,000 ORANG GURU TERLATIH.

MENURUTNYA, SABAH KINI TERTINGGAL 20 TAHUN DI BELAKANG SEMENANJUNG MALAYSIA DAN 10 TAHUN DI BELAKANG NEGERI SARAWAK DI BIDANG PELAJARAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KETUA-KETUA JABATAN ITU BAHAWA KAKITANGAN AWAM DI MALAYSIA ADALAH ANTARA YANG DIBAYAR GAJI YANG LUMAYAN DI RANTAU SEBELAH SINI.

BELIAU MENYERU KAKITANGAN KERAJAAN BUKAN SAHAJA MEMENTINGKAN DARI SEGI KENAIKAN GAJI TETAPI JUGA BERBANGGA DENGAN KHIDMAT MEREKA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA. — BERNAMA 1700/AI